

18/10/2003

Barat salah tanggapan teguran Dr Mahathir

DUNIA cuba diselewengkan dengan inti ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya kelmarin, hanya kerana beliau dengan ikhlas menyebut soal kelicikan Yahudi. Negara Barat tidak dapat menerima hakikat kenyataan Dr Mahathir yang menyebut bahawa Yahudi "memerintah dunia secara proksi dan mereka membiarkan orang lain berjuang dan mati untuk mereka". Mengapa mereka harus terkejut dengan kenyataan terbuka begini hingga sanggup melemparkan tuduhan kononnya kenyataan itu sebagai anti-semitisme sedangkan selama ini mereka mencemuh Islam, seolah-olah pengikut Islam dan Islam tidak bermaruah. Apakah orang Yahudi dan negara yang mendokong kuasa besar berasa hina dengan kenyataan seperti itu sedangkan apa yang dinyatakan oleh Dr Mahathir itu bukanlah satu 'rahsia'? Di mana harus disembunyikan bumi Palestin, Iraq, Afghanistan dan beberapa negara Islam lain yang musnah? Kenyataan berani begini tidak mungkin dicetuskan oleh pemimpin negara yang duduk di bawah telunjuk kuasa besar dan membela Israel. Isu ini menimbulkan polemik kerana ia datang dari pemimpin sebuah negara Islam yang progresif dan diucapkan di hadapan pemimpin negara-negara Islam kerana ia boleh mencelikkan mata mereka mengenai realiti dunia hari ini.

Perdana Menteri Australia, John Howard yang sentiasa menunggu peluang keemasan untuk membelasah Dr Mahathir menyifatkan kenyataan itu sebagai satu serangan dan menjijikkan, malah Howard mengapi-api keadaan itu dengan menyatakan sekiranya berlaku sebarang kejadian membabitkan Yahudi dan umat Islam, ia adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan.

Keseluruhan ucapan Dr Mahathir tertumpu kepada soal Islam, negara Islam dan sikap penganutnya. Beliau turut menegur dengan lantang sikap pemimpin negara Islam yang menyebabkan Islam dihina. Tidak ada satu pun pemimpin Islam yang marah atau menunjukkan reaksi tidak senang hati. Sebaliknya mereka menganggapnya sebagai teguran yang bernas untuk menginsafkan umat Islam.

Pada negara blok yang membenci Islam, gambaran buruk haruslah untuk umat Islam saja. Umat Islam seharusnya dibiarkan merengkuk dan terus lemah. Bagi mereka, usaha Dr Mahathir menyedarkan negara Islam lain supaya membina kekuatan diri, boleh mengancam kekuasaan mereka. Inilah sebenarnya yang amat membimbangkan mereka, apatah lagi mereka tahu kekuatan yang ada pada negara-negara Islam sekiranya mereka dapat membentuk satu perpaduan yang jitu.

Mungkin juga disebabkan ibarat "orang yang makan cili, mereka terasa pedasnya", mereka bertindak balas mengecam Dr Mahathir bagi mengalih perhatian dunia. Umat Islam, malah pemimpin negara Islam, perlu disentak dengan kenyataan yang berani kerana selama ini mereka diselubungi ketakutan. Serangan terhadap negara-negara Islam tanpa sedikit pun terselit perasaan perikemanusiaan membuatkan semua negara Islam tunduk kepada kuasa Barat. Negara mereka hancur, kekayaan dibolot dan rakyat pula menyalahkan mereka. Inilah mimpi ngeri yang dihadapi negara Islam sedangkan mereka mempunyai kekuatan tetapi tidak berani menggunakannya.